

18 MAY 2003

Rais-Hadi

POLIS TIDAK HARUS BERDIAM DIRI MENGENAI DAKWAAN HADI, KATA RAIS

KUALA KLAWANG, 18 Mei (Bernama) -- Pihak polis tidak seharusnya mendiamkan diri dan perlu memaklumkan kepada umum status tindakan yang diambil terhadap Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang mendakwa polis membawa maksiat ke negeri itu dan cuba melindungi pihak terbabit.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim berkata jika pihak polis terus berdiam diri, orang awam mungkin beranggapan bahawa dakwaan Abdul Hadi itu ada kebenarannya.

"Jika pihak polis mempunyai apa-apa yang harus diumumkan, inilah masa untuk menyatakannya, tanpa dilindungi. Dengan mendiamkan diri, ia tidak akan membantu keadaan.

"Pada pandangan saya, lebih wajar bagi polis untuk menerangkan situasi sebenarnya (dan) jika tidak, Menteri Besar itu mungkin dianggap mempunyai kebenaran dalam kenyataannya," katanya diminta mengulas perkembangan perkara itu hari ini.

Beliau ditemui selepas merasmikan Pertandingan Menembak anjuran Rela Daerah Jelebu di Lapang Sasar Titi, dekat sini.

Awal bulan ini, Menteri Besar Terengganu itu dilaporkan berkata, apabila kerajaan negeri menutup sesuatu tempat maksiat, polis juga enggan bekerjasama.

Rais berkata, perkara itu adalah soal dakwaan yang dibuat dan bukannya berkaitan sogokan dan salah guna kuasa dan perlu bagi polis membuktikan kebenaran kenyataan itu.

Katanya lagi, jika kenyataan Menteri Besar itu tidak benar, dia boleh diambil tindakan di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 atas kesalahan berbohong, namun terserah kepada pihak polis untuk mengambil tindakan selanjutnya.

Rais memberitahu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memberi taklimat kepada semua ketua jabatan yang berkaitan dengan bidang penguatkuasaan seperti Badan Pencegah Rasuah (BPR), polis, kastam, imigresen, pihak berkuasa tempatan, wakil kerajaan negeri dan sebagainya di Putrajaya minggu ini.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan turut menghadiri taklimat tersebut yang bertujuan mendengar pandangan Perdana Menteri mengenai cara meningkatkan tahap penguatkuasaan yang berkaitan dengan dasar, etika, tanggungjawab dan prinsip perkhidmatan kepada pihak yang terlibat.

Beliau berkata, ia adalah satu langkah positif untuk memperkemas semua bentuk penguatkuasaan di negara ini yang dikatakan semakin kendur kebelakangan ini.

Mengenai rungutan orang ramai yang menyatakan BPR kurang mendedahkan hasil siasatan mereka, Rais berkata, BPR seharusnya mengetengahkan kepada umum sesetengah hasil siasatan mereka.

Beliau berkata, walaupun bukan semua hasil siasatan boleh didedahkan, namun sesetengahnya boleh didedahkan kerana menjadi tanggungjawab BPR memberitahu dan hak umum untuk mengetahuinya.

--BERNAMA

APG ZB